



## DASAR KESELAMATAN DAN PERLINDUNGAN

### BAHAGIAN KESELAMATAN

### UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

---

#### 1. Pengenalan

1.1 Bahagian Keselamatan Universiti adalah pusat kawalan keselamatan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia di bawah naungan Jabatan Pendaftar. Tanggungjawab Bahagian Keselamatan adalah memastikan keselamatan dan perlindungan , merancang dan menambahbaik dasar keselamatan Universiti termasuk menyediakan perkhidmatan lain kepada warga Universiti. Bahagian Keselamatan merupakan nadi

#### 2. Dasar Keselamatan dan Perlindungan UPNM

2.1 Adalah menjadi dasar keselamatan dan perlindungan, Bahagian Keselamatan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif untuk semua pelajar dan pekerjanya yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya :-

- i. memasti, melindungi, mengada, mewujud dan menggalakkan suatu suasana dan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sejahtera kepada semua warga Universiti
- ii. menjamin, memenuhi dan memastikan semua warga Universiti mematuhi dan memenuhi semua kehendak akta dan peraturan keselamatan yang dikuatkuasakan dan digunakan dari semasa ke semasa
- iii. memastikan Universiti ini bebas dan selamat daripada ancaman keselamatan seperti unsur sabotaj, *subversive*, espionaj, pemerasan, kecurian dan perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan harta benda dan peribadi warga Universiti.
- iv. untuk mempastikan semua warga Universiti ini diberikan maklumat keselamatan yang lengkap dan terkini.

- v. untuk menyediakan perkhidmatan kepada institusi pengajian dan tidak melibatkan kepentingan peribadi individu.
- vi. untuk mematuhi kehendak perundangan dan lain-lain keperluan mengenai keselamatan dan perlindungan seperti yang ditetapkan dalam Arahan Keselamatan 1972, peraturan-peraturannya dan tataamalan yang diluluskan.
- vii. untuk memberikan perlindungan keselamatan yang secukupnya merangkumi keselamatan fizikal, peribadi, dokumen,
- viii. menguatkuasakan langkah-langkah keselamatan dengan tegas hingga dihormati dan menjadi perkara biasa
- xi. berdasarkan prinsip bahawa perkara terperingkat hanya dimaklumkan kepada mereka yang benar-benar "*Perlu Mengetahui*".